

Dua beradik angkut sembilan warga Indonesia diseludup kena dua tahun

KUCHING: Dua beradik masing-masing dijatuhi hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam selepas mengaku bersalah membawa sembilan warga Indonesia yang diseludup di Bau pada Mei 2021, dengan bayaran RM650 bagi setiap migran.

Pesuruhjaya Kehakiman Zaleha Mohd Yusuf Pan menjatuhkan hukuman itu terhadap Sutiknor Kulil dan Jayo Kulil yang mengaku bersalah mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang, dan Antipenyeludupan Migran 2007 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman pen-

jara tidak melebihi lima tahun dan boleh didenda sehingga RM250,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan polis serta tentera menjalankan pemeriksaan terhadap sebuah kereta kompak yang dipandu Sutiknor dan sebuah lori pikap dipandu Jayo di Jalan Kampung Stass, Bau, pada 10 Mei 2025 sekitar jam 4.15 pagi.

Hasil pemeriksaan mendapati mereka membawa sembilan migran yang dalam perjalanan balik ke Indonesia melalui Jalan Kampung Stass.

Susulan itu, dua beradik dan kesemua migran berkenaan dibawa ke Ibu Pejabat

Polis Daerah Bau untuk siasatan lanjut.

Hasil siasatan mendapati bahawa kesemua migran mengaku mereka berkumpul di rumah dua beradik tersebut di Kampung Siol Kandis di sini pada 9 Mei 2021, sebelum mereka dijadualkan dan diatur untuk keluar secara tidak sah dari Sarawak.

Oleh itu, dua beradik tersebut didapati terlibat dalam pengangkutan migran yang diseludup untuk keluar dari Malaysia dan menerima bayaran RM650 bagi setiap migran.

Dalam pada itu, tiga daripada migran tersebut didapati tinggal di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah.

Oleh itu, mereka masing-masing didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan telahpun dijatuhkan hukuman setimpal.

Sementara empat migran didakwa mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan telahpun dijatuhkan hukuman setimpal akibat tinggal lebih masa di Malaysia. Dua lagi migran yang lain dilaporkan dihantar pulang ke Indonesia kerana bawah umur.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff sementara dua beradik itu diwakili peguam Fadzillah Ossman.